

08 AUG 1997

Mahkamah-EIA

KES PEMAJU HADAPI TUDUHAN LANGGAR SYARAT EIA DISEBUT 11 SEPT

KUALA LUMPUR, 9 Ogos (Bernama) -- Mahkamah Sesyen di sini menetapkan 11 Sept untuk sebutan kes pemaju projek perumahan Ukay Perdana yang didakwa dengan tiga kesalahan melanggar syarat laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA).

Hakim Hue Siew Khen menangguhkan kes itu selepas membenarkan permohonan bagi tarikh lain untuk sebutan kes itu oleh peguam Cheong Wee Wong yang hadir bagi pihak peguam Mohd Shafee Abdullah, mewakili Ikatan Rapi Sdn Bhd.

Beliau berkata pihaknya telah membuat permohonan kepada pejabat Peguam Negara dan kini menunggu jawapan.

Pada 6 Jun, Ikatan Rapi yang diwakili pengarahnya Suhaimy Husin mengaku tidak bersalah terhadap tuduhan gagal memberikan bukti mencukupi bahawa tiga syarat yang dilampirkan bersama laporan berhubung kegiatan yang dijadualkan telah dipatuhi di tapak projek.

Syarat-syarat itu dikenakan terhadap pemetaan tapak projek, penebangan pokok dan cerun.

Ikatan Rapi yang dimiliki Capital Advance Consolidated Sdn Bhd, anak syarikat Larut Consolidated Bhd, didakwa melakukan kesalahan itu di Lot 1341, Hulu Klang, kira-kira 12 tengah hari, 20 Jan.

Pemaju itu didakwa mengikut Seksyen 34A (7) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Pindaan 1996) yang membawa denda maksimum RM100,000 atau lima tahun penjara atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Kerosotan alam sekitar di tapak projek itu dibangkitkan selepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengesan bukit yang botak di tapak projek itu dari sebuah helikopter.

Kabinet kemudian mengarahkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk menyiasat penerangan tanah di situ.

Timbalan Pendakwa raya di Jabatan Alam Sekitar Selangor Khairuddin Mohd Idris melakukan pendakwaan. -- BERNAMA

JA RON